



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

WALKABOUT BAZAR RAMADAN 2026 DAN PELANCARAN “KICK-OFF” KEBERSIHAN DAN KESELAMATAN MAKANAN BAZAR

YB Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan yang juga Ahli Parlimen Kuala Selangor telah mengadakan sesi *walkabout* di Bazar Ramadan dengan kerjasama Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) dan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor di Kuala Selangor hari ini.

Program ini menandakan *Kick-off* Kempen Keselamatan Makanan Bazar Ramadan 2026 yang juga berfungsi sebagai simbolik pelancaran Operasi Bazar Ramadan 2026 di seluruh negara. Selain itu, program ini turut menjadi simbolik kepada kerjasama dan komitmen semua pihak yang berkepentingan dalam memastikan keselamatan makanan khususnya semasa bulan Ramadan. Sempena program ini, YB Menteri telah menyampaikan saranan KKM mengenai amalan “**Perhati dan Pilih**” ketika membeli makanan kepada para pengunjung bazar.

Pemantauan Bazar Ramadan dimulakan seawal Februari melalui kerjasama semua Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) bersama PBT untuk mendapatkan maklumat tapak dan jumlah gerai yang akan beroperasi. Sehingga kini, sebanyak **202** sesi taklimat kebersihan dan pengendalian makanan selamat telah dianjurkan melibatkan pemilik gerai daripada **77,583 gerai di 1,274 tapak Bazar Ramadan di seluruh negara**. Selain itu, pemeriksaan ke atas premis penyediaan makanan sebelum Ramadan turut meliputi restoran dan hotel yang menyediakan bufet berbuka puasa. Sejumlah **426 pemeriksaan** telah dijalankan terhadap kilang ais, restoran dan hotel.

Setiap tahun, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Program Keselamatan dan Kualiti Makanan (PKKM) komited melaksanakan pemantauan menyeluruh terhadap premis Bazar Ramadan di seluruh negara. Pemantauan

bersepadu ini turut merangkumi pemeriksaan ke atas premis pembekal bahan mentah seperti kilang ais serta premis penyediaan makanan yang dilesenkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Pengendali makanan juga diperiksa bagi memastikan mereka telah mengikuti Latihan Pengendali Makanan (LPM) dan menerima suntikan anti-tifoid. Langkah-langkah ini diambil bagi memastikan pematuhan terhadap peruntukan di bawah Akta Makanan 1983 dan peraturan-peraturan berkaitan.

Pada masa yang sama, KKM mempergiat usaha pengukuhan kawalan keselamatan makanan di semua peringkat—industri, premis makanan awam dan institusi pendidikan—bagi mencapai sasaran kadar kejadian keracunan makanan kurang 50 kes bagi setiap 100,000 populasi menjelang 2030. Sasaran ini selaras dengan Pelan Tindakan Keselamatan Makanan Kebangsaan 2024-2030 dan Dasar Keselamatan Makanan Kebangsaan 2.0. Selain itu, KKM turut mempromosikan menu lebih sihat untuk dijadikan pilihan kepada pengguna.

KKM ingin menegaskan bahawa semua peniaga perlu memberi keutamaan kepada aspek kebersihan dan keselamatan makanan, serta memastikan makanan yang dijual adalah bersih, berkualiti dan selamat dimakan. Orang ramai turut digalakkan mengamalkan konsep “Perhati dan Pilih” dengan memilih premis yang bersih serta menitikberatkan kualiti makanan. Pengguna juga disaran mengamalkan langkah mudah “Lihat, Hidu, Rasa” sebelum menikmati juadah berbuka puasa bagi mengurangkan risiko keracunan makanan.

KKM kekal komited dalam memastikan keselamatan makanan sepanjang Ramadan melalui pemantauan dan penguatkuasaan berterusan. Sekiranya pengguna mempunyai sebarang kemusykilan atau menyaksikan insiden keselamatan makanan, mereka boleh menghubungi Pejabat Kesihatan Daerah, Jabatan Kesihatan Negeri terdekat, atau membuat aduan melalui platform berikut:

- Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA): <http://moh.spab.gov.my>
- Facebook PKKM: https://www.facebook.com/bkkm_official
- WhatsApp Aduan Kebersihan Premis Makanan: 012-8484378

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
21 FEBRUARI 2026

